

COPASTIN FILM COATED TABLET

Cloperastine Hydrochloride 10mg

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan COPASTIN TABLET
2. Bagaimana COPASTIN TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil COPASTIN TABLET
4. Cara menggunakan COPASTIN TABLET
5. Semasa menggunakan COPASTIN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COPASTIN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan COPASTIN TABLET

COPASTIN TABLET digunakan untuk merawat batuk tidak produktif (batuk kering).

Bagaimana COPASTIN TABLET berfungsi

COPASTIN TABLET merupakan sejenis agen antitusif bukan narkotik yang berfungsi untuk mencegah batuk tidak produktif. Ia bertindak pada pusat batuk dalam otak untuk menyekat refleks batuk. Ubat ini mempunyai kesan melegakan batuk yang kuat, tindakan seperti *papaverine* (untuk rawatan kekejangan jantung dan otak) dan kesan antihistamina yang ringan.

Sebelum mengambil COPASTIN TABLET

Bila tidak boleh mengambil

Anda tidak boleh mengambil COPASTIN TABLET jika anda alah terhadap *Cloperastine Hydrochloride*.

Sebelum mula mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda mengenai penggunaan COPASTIN Tablet jika anda sedang mengandung atau menyusukan anak. Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada kesan berbahaya yang dilaporkan pada penggunaan COPASTIN TABLET dengan ubat-ubatan lain. Untuk tujuan keselamatan, beritahu doktor atau ahli farmasi mengenai semua ubat yang anda sedang ambil, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan COPASTIN TABLET

Berapa banyak harus diambil

Orang dewasa: satu hingga dua tablet tiga kali sehari. Tablet perlu diambil mengikut dos yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Bila perlu diambil

COPASTIN TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

COPASTIN TABLET perlu diambil dengan tetap dan selama mana mengikut nasihat doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kesan mengantuk yang teruk, kemurungan, kekeliruan, keletihan dan loya.

Semasa menggunakan COPASTIN TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil COPASTIN TABLET.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.

Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

COPASTIN TABLET hanya boleh digunakan di kalangan wanita mengandung dan menyusu apabila betul-betul diperlukan. Perhatian perlu diambil apabila digunakan dalam keadaan yang dicirikan oleh penghasilan rembesan bronkial seperti fibrosis sista (penyakit genetik yang mengganggu fungsi kelenjar eksokrin) kerana ia akan menyebabkan pengumpulan kahak dan radang paru-paru (pneumonia).

Kesan-kesan sampingan

COPASTIN TABLET mungkin akan menyebabkan anoreksia, loya, mulut kering dan rasa mengantuk. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumer → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan COPASTIN TABLET

Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Simpan di dalam bekas yang tertutup rapat.

Cara pelupusan

COPASTIN TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

COPASTIN FILM COATED TABLET adalah tablet hijau pucat berbentuk bulat yang bersalut filem, dengan satu bahagian ditandakan dengan "C".

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

Cloperastine Hydrochloride

Bahan tidak aktif-

Lactose

Carboxymethylcellulose Calcium

Starch

Magnesium Stearate

Neusilin

Opandry II Green

Purified water

Nombor MAL

MAL19973698A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan

Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000

Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

29 Apr 2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)030415/00056